

LAMPIRAN F

From: upmbpu@gmail.com legal division
To: rezuan99@gmail.com REZUAN ASPAR
Date: Fri, 4 May 2012 15:11:26 +0800
Subject: Re: Drafts Collaboration between PSU and UPM

Kami merujuk kepada perkara di atas.

Kami telah menyemak dan meneliti draf memorandum persefahaman dan perjanjian pertukaran pelajar & staf yang dikemukakan dan menyatakan pendapat kami seperti berikut:

- Memorandum Persefahaman:

1. Kami mendapati bahawa transaksi ini dimasuki dengan menggunakan template memorandum persefahaman seragam Universiti dan selaras dengan Pekeliling Bil. 5 Tahun 2008 Kementerian Pengajian Tinggi.
2. Walaubagaimanapun, kami telah membuat pindaan yang sewajarnya ke atas draf memorandum persefahaman ini dan pindaan dan ulasan kami adalah sepertimana yang dinyatakan pada draf memorandum persefahaman dalam bentuk ~~track changes~~.
3. Selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan UPM Bil. 9 Tahun 2011, kami telah menyediakan Memorandum Persefahaman ini di dalam teks Bahasa Kebangsaan sebagai terjemahannya untuk ditandatangi bersama-sama dengan teks Bahasa Inggeris.
4. Kami mengandaikan bahawa terma-terma di dalam memorandum persefahaman ini adalah sepertimana yang dirundingkan dan dipersetujui oleh pihak-pihak yang memasuki transaksi ini.
5. Kami juga mengandaikan bahawa pihak-pihak yang memasuki transaksi ini memahami terma-terma serta syarat-syarat dan implikasi transaksi ini kepada pihak-pihak kepada memorandum persefahaman ini.
6. Sila ambil perhatian bahawa Fakulti peneraju hendaklah mengemukakan salinan memorandum persefahaman ini untuk dibawa bagi penasihat Jawatankuasa Pengurusan Universiti untuk perakuan Naib Canselor sebelum ianya dibawa kepada Lembaga Pengarah Universiti untuk mendapatkan kelulusan sewajarnya.
7. Kami akan menyediakan naskah bagi tujuan tandatangan bagi memorandum persefahaman ini sekiranya kelulusan-kelulusan sewajarnya telahpun diperolehi untuk memorandum persefahaman ini.

- Perjanjian Pertukaran Pelajar & Staf

1. Kami telah membuat pindaan sewajarnya ke atas draf perjanjian pertukaran pelajar ini. Pindaan kami adalah sepertimana yang dinyatakan di dalam draf perjanjian.
2. Sila majukan cadangan pindaan ini kepada pihak PSU untuk ulasan dan pandangan mereka. Sekiranya terdapat ulasan lanjut dan pindaan daripada pihak PSU, sila majukannya kepada kami untuk tindakan kami memberikan pandangan sewajarnya.
3. Kami juga telah menyediakan perjanjian ini dalam Bahasa Kebangsaan untuk ditandatangani bersama-sama dengan perjanjian yang disediakan di dalam teks Bahasa Inggeris.
4. Kami akan menyediakan naskah bagi tujuan tandatangan bagi perjanjian pertukaran pelajar dan staf ini selepas draf perjanjian ini dimuktamadkan oleh kedua-dua pihak.

Sekian, terima kasih.

Bahagian Perundang-undangan,

Pejabat Pendaftar, UPM